



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz KampungKu Polisi

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Polisi Allianz KampungKu

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan melalui cadangan dan pengakuan hendaklah menjadi sebagai sebahagian daripada kontrak ini telah memohon kepada **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (735426-V)** (kemudian daripada ini dipanggil "Syarikat") untuk insurans yang terkandung selepas ini dan sebagai balasan pembayaran premium pertama oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat.

DENGAN INI POLISI INI DISAKSIKAN bahawa berhubung dengan kejadian yang berlaku dalam Tempoh Insurans dan tertakluk kepada had, pengecualian dan syarat yang terkandung di sini atau diendorskan ke atasnya (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "Terma Polisi ini").

SYARIKAT akan membayar **GANTI RUGI** kepada Pihak Diinsuranskan terhadap kerugian atau kerosakan disebabkan oleh **KEBAKARAN dan/atau KILAT** kepada **Bangunan dan/atau Kandungan Isi Rumah** yang diinsuranskan.

Perlindungan

Bahagian I – Bangunan dan/atau Kandungan Isi Rumah (Harta Yang Diinsuranskan)

1. Kerugian atau Kerosakan kepada Bangunan dan/atau Kandungan Isi Rumah

Syarikat akan menganti rugi Pihak Diinsuranskan terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran dan/atau kilat kepada Bangunan dan/atau Kandungan Isi Rumah (melainkan seperti yang disebutkan selepas ini) yang merupakan harta atau di bawah tanggungjawab Pihak Diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarganya yang biasanya menghuni bersama-sama dengannya ketika ia berada di dalam **Rumah Kediaman Persendirian** yang ungkapannya termasuk Kediaman Persendirian yang digunakan semata-mata berkaitan dengannya dan di atas harta yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

DENGAN SYARAT bahawa Bahagian ini tidak melindungi harta yang lebih khusus yang diinsuranskan, atau kecuali dinyatakan secara khusus, surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, wang kertas, nota bank, manuskrip, pingat dan duit syiling, kendaraan bermotor termasuk aksesori atau ternakan.

Bahagian II – Kemalangan Diri

1. Pampasan Kematian atau Hilang Upaya Kekal atau Perbelanjaan Pengebumian bagi Pihak Diinsuranskan.

Sekiranya Pihak Diinsuranskan mengalami kecederaan anggota badan disebabkan oleh kemalangan keganasan luaran dan nyata, yang mana kecederaan itu hendaklah sepenuhnya dan bebas daripada apa-apa sebab lain yang mengakibatkan kematian Pihak Diinsuranskan atau hilang upaya kekal yang berlaku dalam tempoh dua belas bulan kalender kemalangan, Syarikat akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual kepada Pihak Diinsuranskan atau sekiranya berlaku kematian jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual kepada wakil sah Pihak Diinsuranskan.

Untuk tujuan faedah dibawah bahagian ini, adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa jika terdapat lebih daripada satu (1) Pihak Diinsuranskan yang dinamakan di bawah Polisi ini, Liability Syarikat terhadap setiap Pihak

Diinsuranskan yang dinamakan bagi tujuan Insurans ini, ialah dianggap diinsuranskan untuk kematian dan hilang upaya kekal sebagaimana yang diperuntukkan dan Syarikat akan bertanggungjawab hanya pada kadar pro-rata pampasan yang sepatutnya dibayar.

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan terhadap pihak diinsuraskan, Polisi ini diperluaskan untuk menampung perbelanjaan pengebumian tetapi tidak melebihi amanah yang dinyatakan di dalam Jadual.

Juga diisyiharkan dan dipersetujui bahawa jika Polisi ini dikeluarkan kepada badan korporat, semua faedah di bawah Seksyen ini adalah tidak terpakai melainkan Pihak Diinsuranskan telah mencalonkan seorang atau beberapa orang untuk faedah ini melalui pengendorsan padanya.

DENGAN SYARAT bahawa liabiliti Syarikat di bawah Seksyen ini dalam mana-mana satu Tempoh Insurans adalah terhad kepada jumlah wang yang dinyatakan dalam Jadual.

Nota 1 : Pihak Diinsuranskan bermaksud Pemegang policy seperti yang dinyatakan didalam Jadual Polisi

Nota 2 : Bagi Seksyen II, ia diperluaskan kepada satu (1) ahli keluarga terdekat yang merupakan pasangan sah pihak diinsuranskan, ibu bapa, ibu bapa mertua atau anak-anak berumur sehingga 21 tahun, semua menetap bersama dengan Pihak Diinsuranskan di dalam Rumah Kediaman Persendirian yang tersebut dalam Jadual Polisi.

Nota 3 : Hilang Upaya Kekal bermakna hilang dua anggota, hilang kedua-dua tangan, atau semua jari dan kedua-dua ibu jari, hilang penglihatan kedua-dua mata, lumpuh sepenuhnya, kecederaan yang menyebabkan terlantar kekal, mana-mana kecederaan lain yang menyebabkan hilang upaya kekal, hilang tangan hingga ke bahu, hilang tangan di antara bahu dan siku, hilang tangan hingga ke siku, hilang lengan di antara siku dan pergelangan tangan, hilang tangan hingga pergelangan tangan, hilang kaki di pinggul, hilang kaki di antara lutut dan pinggul, hilang kaki dari lutut ke bawah, hilang keseluruhan penglihatan dan hilang seluruh penglihatan pada sebelah mata.

Faedah

1. Faedah Bantuan Kecemasan

Jika berlaku kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh **KEBAKARAN ATAU BANJIR ATAU RIBUT ANGIN** kepada harta diinsuranskan, Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Pihak Diinsuranskan tertakluk kepada liabiliti syarikat di bawah lanjutan ini terhad kepada **Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja (RM1,000.00)** untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat semasa mana-mana satu tempoh insurans.

Syarikat akan membuat bayaran untuk faedah di atas hanya selepas kerugian telah ditentukan sebagai tuntutan yang sah di bawah Polisi ini.

Tanpa mengambil kira perkara di atas, faedah ini akan terhenti selepas tuntutan sah yang pertama dibuat oleh Pihak Diinsuranskan.

Nota: Banjir, bagi tujuan perluasan insurans ini, hendaklah bermaksud limpahan atau lencongan air dari saluran biasanya sama ada laluan air semulajadi atau buatan, pecahan atau limpahan dari paip air utama awam dan lain-lain aliran atau takungan air yang berasal dari luar bangunan yang diinsuranskan atau yang mengandungi harta yang diinsuranskan tetapi tidak termasuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penurunan atau gelinciran tanah.

Ribut Angin, bagi tujuan perluasan insurans ini, hendaklah bermaksud bangunan yang diinsuranskan atau mengandungi harta yang diinsuranskan hendaklah terlebih dahulu mengalami kerosakan pada bahagian bumbung atau dinding yang diakibatkan secara langsung oleh Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin dan hendaklah kemudiannya bertanggungjawab hanya kepada kerosakan dalam bangunan tersebut atau kandungan isi rumah dalam polisi ini yang mungkin disebabkan oleh air atau hujan yang memasuki bangunan tersebut menerusi ruang terbuka pada bumbung atau dinding dengan cara kekuatan langsung peril tersebut

Tertakluk sebaliknya kepada Terma-Terma, Pengecualian-Pengecualian dan Syarat-Syarat di dalam Polisi ini.

Syarat-Syarat Am

1. Kontrak

Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang makna khususnya telah diberikan dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual ini akan membawa maksud tersebut apabila digunakan.

2. Salah Nyataan

Jika terdapat apa-apa keterangan material yang salah berkaitan dengan Harta Yang Diinsuranskan, atau bangunan atau tempat yang terkandung di dalamnya harta sedemikian, atau sebarang gambaran yang salah tentang apa jua fakta material yang perlu diketahui oleh Syarikat bagi menganggar risiko atau sebarang kenyataan yang tertinggal seperti fakta, Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas Polisi ini berkaitan dengan harta yang terjejas dengan sebarang salah keterangan, salah gambaran atau peninggalan tersebut.

3. Resit Resmi

Tidak ada bayaran berhubung dengan apa-apa premium yang akan dianggap sebagai bayaran kepada Syarikat kecuali resit bercetak yang ditandatangani oleh seorang pegawai atau ejen yang dilantik secara sah oleh Syarikat telah diberikan kepada Pihak Diinsuranskan.

4. Kepentingan Boleh Insurans

Kecuali dinyatakan dengan jelas, tidak ada apa pun yang terkandung di dalam Polisi ini boleh memberi sebarang hak terhadap Syarikat kepada orang lain selain daripada Pihak Diinsuranskan. Selanjutnya, Syarikat tidak terikat dengan mana-mana pemindahan kepentingan Pihak Diinsuranskan selain daripada sebab kematian atau penguatkuasaan undang-undang kecuali dan sehingga Syarikat melalui pengendorsan mengisyiharkan insurans tersebut diteruskan.

Nota : Kepentingan boleh insurans bagi Penyewa dianggap terhad kepada kandungan isi rumah sahaja.

5. Hak Tuntutan

Liabiliti Syarikat berkaitan dengan harta orang lain selain daripada Pihak Diinsuranskan tidak memberi apa-apa hak tuntutan di bawah polisi ini kepada orang itu, tujuannya adalah Pihak Diinsuranskan dalam apa jua kes menuntut untuk dan sebagai wakil orang itu dan penerima Pihak Diinsuranskan dalam semua kes secara mutlak akan melepaskan liabiliti Syarikat.

6. Liabiliti Maksima Syarikat

Liabiliti maksima Syarikat pada satu-satu masa sepanjang tempoh polisi adalah terhad kepada jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi ini.

7. Sumbangan

Jika ketika berlakunya apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dilindungi oleh Polisi ini terdapat insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti sedemikian atau mana-mana bahagian daripadanya, Syarikat tidak akan bertanggungjawab lebih daripada perkadarannya setimpal.

8. Insurans Lain

Pihak Diinsuranskan hendaklah memberi notis kepada Syarikat tentang apa-apa Insurans yang telah berkuatkuasa atau yang mungkin berkuatkuasa, yang melindungi mana-mana Harta Yang Diinsuranskan, dan melainkan notis tersebut telah diberikan dan butir-butir insurans telah dinyatakan atau diendorskan dalam Polisi ini oleh atau bagi pihak Syarikat sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan, semua manfaat di bawah Polisi ini berkaitan dengan Harta Yang Diinsuranskan akan dimansuhkan.

9. Hak Masuk dan Kawalan

Syarikat berhak:

- (a) Apabila berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan kepada Harta Yang Diinsuranskan dalam Polisi ini Syarikat boleh memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian atau kerosakan telah berlaku dan mengambil dan mengekal milik Harta Yang Diinsuranskan dan untuk menguruskan sisa-sisa dengan cara yang munasabah dan Polisi ini atau mana-mana salinannya yang diperakui oleh Syarikat hendaklah menjadi bukti kebenaran dan keizinan untuk tujuan tersebut. Tidak ada harta yang boleh ditinggalkan kepada Syarikat;
- (b) Untuk mengakujanji atas nama dan bagi Pihak Diinsuranskan pengendalian, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding secara mutlak dan untuk menjalankan prosiding atas perbelanjaan sendiri dan untuk manfaatnya sendiri tetapi atas nama Pihak Diinsuranskan untuk mendapatkan semula pampasan atau memperoleh ganti rugi daripada mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan apa jua yang dilindungi oleh Polisi ini.

10. Penipuan Tuntutan

Jika tuntutan dalam apa jua hal, adalah palsu atau apa-apa jua cara atau kaedah penipuan digunakan oleh Pihak Diinsuranskan atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Pihak Diinsuranskan untuk mendapatkan sebarang manfaat di bawah Polisi ini, semua manfaat dibawah polisi ini akan dimansuhkan.

11. Pembatalan

Syarikat boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi tidak kurang daripada empat belas (14) hari notis melalui surat berdaftar kepada alamat terakhir Pihak Diinsuranskan yang diketahui yang mana Syarikat akan memulangkan semula suatu perkadarannya setimpal premium bagi Tempoh Insurans yang belum tamat. Polisi ini boleh dibatalkan oleh Pihak Diinsuranskan pada bila-bila masa dengan memberi tidak kurang daripada empat belas (14) hari notis secara bertulis kepada Syarikat yang mana Syarikat akan mengekalkan premium jangka pendek bagi tempoh risiko.

Tempoh Yang Diinsuranskan	Peratusan Premium Tahunan yang akan dikenakan
2 Bulan dan ke bawah	40%
3 Bulan	50%
4 Bulan	60%
5 Bulan	70%
6 Bulan	75%
Lebih daripada 6 Bulan	100%

12. Penimbang Tara

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai amanu apa-apa kerugian atau kerosakan, pertelingkahan sedemikian hendaklah bebas daripada semua persoalan lain dirujukkan kepada keputusan seorang Penimbang Tara, yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara, maka kepada keputusan dua orang yang tidak berkepentingan sebagai Penimbang Tara, yang salah seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa dua (2) bulan kalender selepas diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang satu lagi. Sekiranya salah satu pihak enggan atau gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan kalender setelah menerima notis secara bertulis yang meminta satu perlantikan, pihak lagi satu adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal, dan sekiranya terdapat ketiadaan persetujuan antara Penimbang Tara, pertelingkahan tersebut hendaklah dirujuk untuk keputusan Wasit yang hendaklah dilantik oleh mereka secara bertulis sebelum membuat rujukan, yang hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengaruhi mesyuarat tersebut. Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjelaskan hak atau kuasa Penimbang Tara atau Wasit, dan sekiranya berlaku kematian seseorang Penimbang Tara atau Wasit, seorang lagi hendaklah dalam setiap kes dilantik untuk menggantikannya oleh pihak tersebut atau Penimbang Tara (mengikut yang berkenaan) yang telah melantik Penimbang Tara atau Wasit yang mati itu. Kos rujukan dan award hendaklah atas budi bicara Penimbang Tara atau Wasit yang membuat award. Adalah dengan ini jelas dinyatakan dan diisyiharkan bahawa ianya hendaklah merupakan suatu syarat duluan terhadap apa jua hak tindakan atau guaman ke atas polisi ini, bahawa award oleh Penimbang Tara atau Wasit mengenai amanu kerugian atau kerosakan jika dipertikaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

13. Tanggungjawab Penjagaan

Pihak Diinsuranskan hendaklah menggunakan segala usaha yang munasabah dan penjagaan untuk memastikan Harta Yang Diinsuranskan berada dalam keadaan baik dan, sekiranya Pihak Diinsuranskan ialah pemilik Kediaman Persendirian, jika ditemui apa-apa kecacatan di dalamnya hendaklah membaikeh pulih kecacatan tersebut secepat mungkin dan hendaklah dalam masa yang sama mangambil langkah tambahan bagi mencegah kecederaan, kerugian atau kerosakan sebagaimana keadaan diperlukan dan Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi kecederaan, kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecacatan yang mana Pihak Diinsuranskan telah gagal memulihkannya setelah menerima notis tentang kecacatan tersebut sama ada daripada Syarikat atau mana-mana orang atau badan awam.

14. Nilai Pasaran

Dengan ini dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan ke atas Harta Yang Diinsuranskan di sini, had ganti rugi adalah Nilai Yang Diinsurans atau Nilai Pasaran bagi Harta Yang Diinsurans, yang mana lebih rendah, tertakluk kepada potongan ke atas sebarang lebihan dan amanu yang mana Pihak Diinsuranskan dikehendaki menanggung di bawah Polisi ini.

Bagi tujuan fasal ini, istilah Nilai Pasaran adalah bermaksud nilai Harta Yang Diinsuranskan di sini pada masa kerosakan atau kerugian ditolak elau yang kena bayar untuk peningkatan, haus dan lusuh dan/atau susut nilai.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

15. Pemberitahuan Kerugian

- (a) Apabila berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan ke atas Harta Yang Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah segera memberikan notis secara bertulis kepada Syarikat dan hendaklah atas perbelanjaannya sendiri dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kerugian atau kerosakan sedemikian menyerahkan kepada Syarikat tuntutan secara bertulis dengan butiran terperinci dan bukti yang dikehendaki secara munasabah.
- (b) Apa-apa perbelanjaan untuk membaiki apa-apa kerosakan tidak boleh ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan tanpa keizinan bertulis daripada Syarikat dan apa-apa tuntutan tidak boleh dirunding, dibayar, dijelaskan, diakui atau ditolak tanpa keizinan yang sama.

16. Tiada Penambahan Semula Jumlah Diinsuranskan

Sejurus selepas berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan ke atas Harta Yang Diinsuranskan seperti yang disebutkan dalam Polisi ini, Keseluruhan Jumlah yang Diinsuranskan dan Jumlah yang Diinsuranskan ke atas pelbagai penerangan harta yang telah hilang atau rosak akan berkurangan berdasarkan nilai kerugian atau kerosakan dan pengurangan jumlah diinsuranskan akan dijadikan had liability Syarikat bagi apa jua kerugian atau kerosakan yang akan berlakunya selanjutnya dalam Tempoh Insurans semasa.

Pengecualian Am

Polisi ini tidak melindungi:

1. Apa-apa kerugian, kerosakan atau kontigensi lain yang disebabkan oleh atau menerusi atau merupakan akibat secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:
 - (a) Kerugian disebabkan oleh kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran.
 - (b) Kerugian atau kerosakan kepada Harta Yang Diinsuranskan disebabkan oleh penapaihan, kepanasan semula jadi atau pembakaran spontan atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan.
 - (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau merupakan akibat daripada
 - (1) Pembakaran Harta Yang Diinsuranskan dengan perintah pihak berkuasa awam
 - (2) Kebakaran bawah tanah
 - (d) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang merupakan akibat atau yang disebabkan oleh bahan senjata nuklear.
2. Insurans ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang diakibatkan oleh atau yang disebabkan oleh radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan nuklear atau daripada apa-apa sisa buangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi syarat ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.

3. Insurans ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian yang berikut, iaitu:-
- (a) Gempa bumi, letusan gunung berapi atau konvulsi alam semula jadi yang lain;
 - (b) Taufan, hurikan, puting beliung, siklon atau gangguan atmosfera yang lain;
 - (c) Penenggelaman dan gelinciran tanah;
 - (d) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara.
 - (e) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa tentera, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan.
 - (f) Sebarang tindakan keganasan
Untuk tujuan ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ancaman daripadanya, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.
- Berkenaan Seksyen I, dan II di sini :
- Apa-apa kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada mana-mana satu kejadian tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung, hendaklah dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau satu kontigensi yang tidak dilindungi oleh insurans ini, melainkan Pihak Diinsuranskan hendaklah membuktikan kerugian, kerosakan atau kontigensi lain berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.
- Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain apabila Syarikat mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan Pengecualian Am ini apa-apa kerugian, kerosakan atau kontigensi lain yang tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan kerugian, kerosakan atau kontigensi lain hendaklah terletak pada Pihak Diinsuranskan.
4. Insurans ini tidak melindungi sebarang liabiliti terhadap:
- Kerugian atau kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh pencemaran (kecuali dilindungi) melainkan kemusnahan atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan yang disebabkan oleh
- (i) pencemaran yang dengan sendirinya disebabkan oleh suatu kontigensi yang dengan ini diinsuranskan.
 - (ii) sebarang kontigensi yang dengan ini diinsuranskan yang dengan sendirinya disebabkan oleh pencemaran.
5. Polisi ini tidak melindungi:
- (a) Barang yang dipegang sebagai amanah atau atas komisen;
 - (b) Bulion atau batu permata belum berikat;
 - (c) Apa-apa barang yang ganjil atau hasil kerja seni;
- (d) Manuskrip, pelan, lukisan, atau reka bentuk, corak, model atau acuan;
 - (e) Sekuriti, obligasi, atau dokumen apa pun bentuknya, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau buku perniagaan yang lain, atau rekod sistem komputer;
 - (f) Arang batu, terhadap kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pembakaran spontannya.
 - (g) Bahan letupan;
 - (h) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat letupan; tetapi kerugian atau kerosakan oleh sebab letupan dandang domestik dan gas yang digunakan untuk tujuan menerangi atau domestik dalam sesbuah bangunan yang mana gas tidak dijana dan tidak membentuk sebahagian daripada sebarang kerja melibatkan gas, akan dianggap sebagai kerugian yang disebabkan oleh kebakaran sebagaimana yang dimaksudkan dalam Polisi ini; dan/atau
 - (i) Apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat pembakaran, sama ada tidak sengaja atau sebaliknya, ke atas hutan, belukar, lalang, prairie, pampas atau rimba, dan pembersihan tanah dengan membakar.
6. Di bawah mana-mana keadaan yang berikut insurans terhenti diguna pakai berhubung dengan Harta Yang Diinsuranskan yang berkenaan kecuali sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan Pihak Diinsuranskan telah mendapatkan kebenaran Syarikat yang dibuktikan dengan pengendorsan ke atas Polisi tersebut oleh atau bagi pihak Syarikat
- (a) Jika perniagaan atau perusahaan yang dijalankan diubah, atau jika bentuk penghunian atau hal keadaan lain yang mempengaruhi bangunan yang diinsuranskan atau yang mengandungi harta yang diinsuranskan ditukar sedemikian rupa menyebabkan meningkatnya risiko kerugian atau kerosakan oleh kebakaran;
 - (b) Jika bangunan yang diinsuranskan atau yang mengandungi Harta Yang Diinsuranskan tidak dihuni dan berkekalan sedemikian melebihi enam puluh (60) hari;
 - (c) Jika Harta Yang Diinsuranskan dipindahkan ke mana-mana bangunan atau tempat selain daripada tempat yang dinyatakan di sini sebagaimana yang diinsuranskan;
 - (d) Jika kepentingan ke atas Harta Yang Diinsuranskan berpindah daripada Pihak Diinsuranskan melainkan dengan wasiat atau kuatkuasa undang-undang; dan/atau
 - (e) Jika notis untuk keluar telah dikeluarkan dengan perintah Pihak Berkuasa tempatan bagi rekuisisi atau pengambilan tanah yang diatasnya terletak harta Pihak Diinsuranskan.
7. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pemberhentian kerja; atau oleh sebab perampasan, penyitaan ketenteraan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan perintah Kerajaan de jure atau de facto atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan negara atau kawasan yang terletaknya Harta Yang Diinsuranskan tersebut; atau kepada Harta Yang Diinsuranskan melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan atau oleh sebab ia melalui apa-apa proses pemanasan atau pengeringan;
8. Apa-apa jenis kerugian atau kerosakan turut.

Fasal / Pengendorsan / Waranti Berkenaan

A. Fasal Pasangan Dan Set

Adalah diisyiharkan dan dipersetujui bahawa walauapapun yang bertentangan yang terkandung di dalam Polisi ini, mana-mana butiran yang diinsuranskan mengandungi barang berpasangan atau set, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai perkadarannya setimpal mana-mana bahagian tertentu yang mungkin hilang, tanpa mengambil kira mana-mana nilai khas yang barangan tersebut mungkin ada sebagai sebahagian daripada pasangan atau set tersebut.

Selainnya tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian Polisi ini.

B. Fasal Polisi Tanpa Nilai

Ini adalah satu Polisi Tanpa Nilai (Unvalued Policy) yang tidak berasaskan kepada nilai yang diinsuranskan. Pihak diinsuranskan adalah bertanggungjawab untuk membuktikan nilai atau jumlah sebenar Harta Yang Diinsuranskan ketika berlakunya kemusnahan atau kerosakan tersebut.

C. Fasal Penjelasan Kerosakan Harta

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah Polisi ini bermaksud kerosakan fizikal ke atas jirim harta

Kerosakan fizikal harta tidak akan termasuk kerosakan ke atas data atau perisian, terutama sekali apa-apa perubahan menjelaskan data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kerosakan atau kecacatan bentuk asal.

Oleh kerana itu perkara berikut tidak termasuk dalam Polisi ini:

- A. Kerugian atau kerosakan data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan menjelaskan data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kerosakan atau kecacatan bentuk asal, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan tersebut. Walauapapun pengecualian ini, kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian, yang diakibatkan secara langsung oleh kerosakan fizikal yang diinsuranskan ke atas harta, akan dilindungi.
- B. Kerugian atau kerosakan yang diakibatkan daripada kerosakan fungsi, ketersediaan, kepelbagaian penggunaan atau pencapaian data, perisian atau program komputer, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian dan kerosakan tersebut.

D. Fasal Sekatan/Embargo

Polisi ini tidak memberi apa-apa perlindungan yang berkaitan dengan mana-mana individu, entity organisasi, produk, perkhidmatan atau mana-mana Negara dimana kerajaan Malaysia atau yang berkaitan dengan embargo UN dan/atau EU/EEA melarang syarikat atau individu daripada menjalankan perniagaan atau memberi insurans dan/atau insurans semula termasuk tetapi tidak terhad kepada Polisi ini dan memenuhi apa-apa obligasi di bawahnya, sehingga tahap ia akan melanggar apa jua yang berkaitan ekonomi atau sekatan undang-undang perdagangan atau peraturan UN dan/atau EU/EEA dan/atau yang berkaitan dengan ekonomi kebangsaan atau sekatan undang-undang perdagangan atau peraturan.

Jika larangan itu berlaku semasa Tempoh Polisi, maka semua perlindungan yang disediakan oleh Polisi ini berkaitan dengan mana-mana individu, entity organisasi, produk, perkhidmatan atau mana-mana Negara dimana kerajaan Malaysia atau yang berkaitan dengan UN dan/atau EU/EEA melarang syarikat atau individu daripada menjalankan perniagaan atau memberi insurans dan/atau insurans semula akan berhenti digunakan pada masa dan tarikh larangan itu berkuatkuasa.

Polisi ini juga tidak memberi apa-apa perlindungan insurans atau faedah lain, jika dan setakat, tiada perlindungan insurans dalam polisi induk atau kontrak insurans semula, tertakluk kepada mana-mana sekatan undang-undang.

E. Pengendorsan Pengecualian Asbestos

Bahagian ‘Liabiliti kepada Awam’ di dalam polisi ini mengecualikan semua tuntutan dan kerugian berdasarkan, yang timbul daripada, secara langsung atau tidak langsung akibat daripada atau yang disebabkan oleh atau apa-apa cara yang melibatkan:

1. Asbestos, atau
2. Apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar atau yang dianggap berkaitan dengan asbestos melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran dari asbestos atau terdedah atau potensi terdedah kepada asbestos

F. Pengenalpastian Tarikh

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa polisi ini telah dipinda seperti berikut:

1. Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota badan atau apa-apa kerugian turut secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, mikrocip media, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), litar integrasi atau peranti yang serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Pihak Diinsuranskan atau tidak, dan sama ada berlaku sebelum, pada atau selepas tahun 2000 akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti yang disenaraikan di atas untuk:
 - (a) Mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalender sebenar;
 - (b) Merakam, menyimpan atau mengekalkan dan/atau memanipulasi dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dari mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh kalender sebenar dan/atau;
 - (c) Merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dari operasi apa-apa arahan yang diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
2. Seterusnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar untuk pemberaan atau pengubahsuaian mana-mana bahagian pada sistem pemprosesan data elektronik atau mana-mana bahagian pada peranti dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam 1 di atas.
3. Seterusnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk hilang keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal atau apa-apa kerugian turut secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pemberaan atau penyeliaan yang dibuat oleh Pihak Diinsuranskan atau untuk Pihak Diinsuranskan atau untuk pihak lain untuk menentukan, membentulkan atau menguji apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam 1 di atas.

4. Seterusnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan alat seperti yang dinyatakan dalam 1 di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalender sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan atau apa-apa kerugian turutan yang dirujuk dalam 1, 2, 3 atau 4 di atas, adalah dikecualikan tanpa mengambilkira apa-apa sebab lain yang berlaku serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

Fasal Kekecualian

Pengendorsan ini tidak mengecualikan kerugian atau kerosakan turut yang terjadi dengan sendirinya yang disebabkan oleh peril yang diinsuranskan seperti yang didefinisikan di dalam polisi ini.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

G. Pengendorsan Pengecualian Keganasan

Walauapun peruntukan yang bertentangan dengan insurans ini atau sebarang pengendorsan ke atasnya, adalah dipersetujui bahawa insurans ini mengecualikan apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua keadaan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan apa-apa tindakan keganasan tanpa mengambil kira apa-apa sebab atau peristiwa lain yang berlaku serentak atau dalam apa-apa turutan lain bagi kerugian tersebut.

Bagi tujuan Fasal ini, tindakan keganasan bermaksud sesuatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada paksaan atau kekerasan dan/atau ancaman oleh seseorang atau sekumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau yang berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, untuk tujuan politik, keagamaan, fahaman ataupun tujuan yang sama, termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/ atau untuk menyebabkan orang awam, ataupun mana-mana golongan orang awam, dalam ketakutan.

Fasal ini juga mengecualikan kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua keadaan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca daripada atau berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, menindas atau dalam apa jua berkaitan dengan apa-apa tindakan keganasan. Jika Syarikat mendakwa bahawa disebabkan pengecualian ini, apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh insurans ini, maka tanggungjawab untuk membuktikan sebaliknya terletak di atas Pihak Diinsuranskan.

Sekiranya mana-mana bahagian dalam Fasal ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bahagian selebihnya tetap akan berkuatkuasa dan dilaksanakan.

H. Pengecualian Tapak Bangunan

Insurans ke atas Bangunan tidak termasuk mana-mana bahagian yang lebih rendah daripada permukaan bawah * tingkat terbahaw sekali (dan bahagian tapak konkrit untuk alatan mesin yang mengatasi paras sedemikian.

Nota 1 : *"atas" boleh digunakan untuk mengganti "bawah".
Nota 2 : Perkataan di dalam kurungan boleh digugurkan.

I. Waranti Pembatasan Barang Dagangan

Diarantikan bahawa semasa berkuatkuasanya Polisi ini, tiada bahagian Harta Yang Diinsuranskan yang dinyatakan di sini digunakan oleh pengilang atau deposit atau menyimpan barang dagangan.

Notis Penting

Tunai Sebelum Perlindungan

Syarat asas dan mutlak kontrak insurans ini adalah premium mestilah dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak insurans ini secara automatiknya terbatalkan dan tidak sah.

Kewajipan Pendedahan

(a) Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Pihak Diinsuranskan memohon Insurans ini sepenuhnya **bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion** Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang Pihak Diinsuranskan ketahui berkaitan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatalkan, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatkan kontrak. Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.

(b) Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Syarikat dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

Kesan Cukai Barang dan Perkhidmatan terhadap Penyelesaian Tuntutan

Penyelesaian Tuntutan

Kami akan membayar tuntutan anda termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan pada item bekalan yang dikenakan cukai, sehingga had Jumlah Diinsuranskan.

Sekiranya anda layak untuk membuat tuntutan bagi Kredit Cukai Input dan sekiranya kami membuat bayaran di bawah polisi ini sebagai pampasan kepada anda, kami akan mengurangkan jumlah bayaran dengan menolak kelayakan Kredit Cukai Input anda tidak kira samada anda telah menuntut atau tidak Kredit Cukai Input, tertakluk kepada had Jumlah Diinsuranskan.

Polisi ini dan syaratnya hendaklah diperiksa dan jika terdapat kesilapan sila kembalikan dengan segera untuk pembetulan.

To Attach Schedule Here /
Kepikan Jadual Di Sini

NOTIS PENTING KEPADA PEMEGANG POLISI

- Sebarang premium yang dibayar kepada broker insurans bukanlah dianggap sebagai bayaran kepada Syarikat bagi tujuan waranti premium. Untuk pengetahuan bahawa jika insurans ini dibuat melalui broker insurans anda, broker tersebut melakukannya bagi pihak anda membentuk perjanjian kontrak insurans. Ianya sangat penting bahawa anda memastikan broker insurans anda membuat bayaran premium kepada Syarikat seperti yang diperlukan oleh peruntuk waranti premium tersebut.
- Jika anda mempunyai sebarang aduan mengenai amalan pasaran tidak adil oleh Syarikat, anda boleh menghubungi atau menulis kepada :

Unit Pengaduan

Ground Floor
Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel: 03-2264 0520
Fax: 03-2264 0602
Email : customer.service@allianz.com.my

ATAU

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)

(Formerly known as Financial Mediation Bureau)
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811 / Fax: 03-2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: www.ofs.org.my

ATAU

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Bank Negara Malaysia
Ground Floor Block C
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Toll Free: 1-300-88-5465
Fax: 03-21741515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (735426-V)

Head Office

Level 29, Menara Allianz Sentral, 203, Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2264 1188 / 2264 0688 Fax: +603 2264 1199 www.allianz.com.my

 www.facebook.com/AllianzMalaysia

Customer Service

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Center: 1 300 88 1028 Fax: +603 2264 8499 Email: customer.service@allianz.com.my